

Catuan mungkin akan tamat minggu depan

Bergantung jika pengepaman air lombong beri kesan positif: MB


KLANG – Kerajaan negeri menjangkakan catuan air bakal dihentikan minggu depan sekiranya tindakan mengepam air lombong ke empangan berjalan lancar.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, beliau akan membuat pengumuman mengenai perkara tersebut sekiranya usaha dilaksanakan kerajaan negeri itu menunjukkan kesan positif.

Abdul Khalid juga berharap, usaha tersebut dapat menyalurkan 700 juta liter air sehari berbanding 400 juta liter air setakat ini.

“Setakat ini kita berjaya salurkan 400 juta liter air sehari dan mahu tingkatkan kepada 700 hingga 900 juta liter air.

“Jika kita dapat capai dan keadaan peningkatan ini berterusan, maka kita isytihar-



Abdul Khalid ketika menyampaikan geran tanah kepada salah seorang penduduk, semalam.

kan catuan tidak diteruskan minggu depan,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Program Khas Mesra Rakyat (PKMR) Daerah Klang di Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang (MPK), semalam.

Abdul Khalid turut

mempertahankan tindakan mengepam air lombong dan menyifatkan ia sebagai selamat.

Menurutnya, lombong tersebut sudah berusia 30 tahun maka airnya adalah lebih bersih daripada air sungai.

Katanya, ia adalah ber-

dasarkan hasil kajian kimia yang dilaksanakan termasuk dijalankan Jabatan Kesihatan.

“Kita jemput Jabatan Kesihatan dan mengesahkan tiada masalah kerana ini air mentah dan ia dirawat malah pemeriksaan sama ada air mentah boleh diletak bahan kimia jadi air terawat juga diperiksa sama ada boleh disalurkan kepada rakyat.

“Hasil kajian dapati ia selamat digunakan kerana air lombong ini sudah lama,” katanya.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum ini meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi membina infrastruktur bagi kerja-kerja mengepam air dari bekas lombong atau kolam sekitar Lembangan Sungai Selangor ke Sungai Selangor.